

Nama: _____

Tarikh: _____

A. Baca dan nyatakan nilai.

Rajin	Amanah	Adil	Menghargai masa	Menjaga kebersihan

Kerani di Balai Polis

Nilai murni

Normah kerani di balai polis. Setiap hari, beliau **pergi bertugas pada awal pagi.**

Sebaik-baik sahaja beliau sampai di pejabat, beliau akan **memastikan tempat kerjanya bersih.** Beliau akan menghidupkan komputer untuk memulakan tugas.

Normah akan menyusun semua surat untuk ketua balai dan meletakkan surat itu di dalam fail di bilik ketuanya. **Beliau tidak akan membuka dan membaca surat-surat itu.**

Kadangkala, Normah melayan orang ramai yang hadir ke balai untuk pelbagai urusan. Beliau melayan mereka **dengan mesranya tanpa mengira bangsa dan agama.**

Jika kerja tidak dapat disiapkan di balai, beliau membawa kerjanya pulang ke rumah. **Beliau bekerja dengan tekunnya demi negara.**